**PERKHIDMATAN KUARANTIN**
**DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA**

# *PROSEDUR OPERASI PIAWAI*

# Pemeriksaan Konsainan Daging Bebiri Yang Diimport Dari New Zealand Melalui Pintu Masuk Laluan Laut (Kargo)

**Edisi (Ogos 2010)**

**KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI MALAYSIA**

**JAWATANKUASA KERJA PENYEDIAAN**

# PROSEDUR OPERASI PIAWAI (SOP) PEMERIKSAAN KONSAINAN DAGING BEBIRI YANG DIIMPORT DARI NEW ZEALAND MELALUI PINTU MASUK LAUT (KARGO)

| | |
|---|---|
| PENASIHAT : | EN. MAZLAN BIN SAADON<br>Pengarah MAQIS |

**AHLI JAWATAN KUASA KERJA:**

| | |
|---|---|
| Ketua : | DR. NUR HARDY BIN ABU DAUD<br>Timbalan Pengarah MAQIS (Dasar & Operasi) |
| Timbalan Ketua : | En. Rivoldiantoe bin Basran<br>Penolong Pengarah Kanan (Dasar & Operasi) |
| Setiausaha : | En. Hilal bin Abd Aziz<br>Penolong Pengarah (Dasar & Operasi) |
| Ahli-ahli : | Pn Hjh. Zalina binti Ismail (MAQIS KLIA)<br>Tn. Hj. Abd Hamid bin Sulaiman (MAQIS P.Pinang)<br>Tn. Hj. Abu Othman bin Abdullah (MAQIS Pel. Klang Selatan)<br>En. Ahmad Azuan bin Muhamad (MAQIS Pel. Klang Utara)<br>En. Harum bin Isa (MAQIS Pasir Gudang) |

Tarikh Penyediaan SOP :
1 – 4 Disember 2009, Menara PGRM, Cheras, Kuala Lumpur

# KANDUNGAN


| Seksyen | Perkara | Mukasurat |
|---|---|---|
| **0.0** | KANDUNGAN | **3 – 4** |
| **1.0** | TAJUK | **5** |
| **2.0** | TUJUAN | **5** |
| **3.0** | SKOP | **5** |
| **4.0** | DEFINASI | **5 - 7** |
| **5.0** | PROSEDUR PEMERIKSAAN DOKUMEN | |
| | 5.1 Carta Alir | **8** |
| | 5.2 Proses Kerja | **9 – 11** |
| | 5.3 Senarai Semak | **12** |
| **6.0** | PROSEDUR PEMERIKSAAN FIZIKAL | |
| | 6.1 Carta Alir | **13** |
| | 6.2 Proses Kerja | **14 – 15** |
| | 6.3 Senarai Semak | **16** |
| **7.0** | PROSEDUR PENSAMPELAN KONSAINAN | |
| | 7.1 Carta Alir | **17** |
| | 7.2 Proses Kerja | **18** |
| | 7.3 Senarai Semak | **19** |
| **8.0** | PROSEDUR PENOLAKAN KONSAINAN | |
| | 8.1 Carta Alir | **20** |
| | 8.2 Proses Kerja | **21** |
| | 8.3 Senarai Semak | **22** |
| **9.0** | PERUNTUKAN KUASA | **28** |
| **10.0** | LAMPIRAN | **28** |

## 1.0 TAJUK

Prosedur Operasi Piawai (SOP) Bagi Pemeriksaan Konsainan Daging Bebiri Yang Diimport Dari New Zealand Melalui Laluan Laut.

## 2.0 TUJUAN

Tujuan penyediaan Prosedur Operasi Piawai (SOP) ini adalah untuk mengariskan prosedur atau tatacara yang betul bagi menjalankan pemeriksaan konsainan Daging Bebiri yang diimport dari New Zealand melalui laluan laut mengikut waktu operasi pintu masuk.

SOP ini juga sebagai panduan untuk memastikan setiap pegawai menjalankan pemeriksaan mengikut standard dan prosedur yang telah ditetapkan oleh pihak Jabatan. Ianya adalah tertakluk kepada pindaan mengikut keadaan semasa bergantung kepada keperluan-keperluan baru yang dikenalpasti.

## 3.0 SKOP

Skop penggunaan SOP ini terhad kepada Pegawai MAQIS yang menjalankan pemeriksaan konsainan yang hanya melibatkan Daging Bebiri yang diimport dari New Zealand melalui laluan laut mengikut waktu operasi pintu masuk.

## 4.0 DEFINISI

***Binatang* -** Termasuk kuda, lembu, bebiri, kambing, babi, anjing, kucing dan mana-mana binatang liar berkaki empat yang diletakkan dalam kurungan atau dibawah kawalan, daripada sebarang umur dan jantina.

***Lembu* -** Bermaksud lembu jantan, lembu betina, sapi, lembu dara dan anak lembu dan termasuk kerbau daripada sebarang umur atau jantina.

***Kuarantin* -** Bermaksud penahanan wajib secara berasingan terhadap mana-mana binatang, burung atau barangan.

***Stesen Kuarantin* -** Bermaksud mana-mana bangunan atau tempat dimana kuarantin dijalankan dan termasuk stesen ujian atau hulk.

***Pihak Berkuasa Veterinar* -** Bermaksud Ketua Pengarah Veterinar, Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar, mana-mana Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri, mana-mana Pegawai Veterinar, Penolong Pegawai Veterinar dan termasuk mana-mana orang yang dilantik secara bertulis oleh Ketua Pegarah Perkhidmatan Veterinar, Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar atau Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri sebagai pihak berkuasa veterinar di bawah seksyen 3.

***Pintu Masuk*** - Bermaksud mana-mana tempat yang diwartakan dibawah Kaedah-kaedah Binatang 1962 sebagai tempat laluan masuk sempadan negara.

***Laluan Laut*** - Bermaksud laluan ke pintu masuk negara Malaysia yang diwartakan di bawah Kaedah-kaedah Binatang 1962 melalui laluan laut.

***Sijil Kesihatan*** - Bermaksud satu perakuan kesihatan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa veterinar negara pengeksport.

***Kargo*** - Bermaksud barang-barang yg dibawa (diangkut) oleh kenderaan bagi tujuan perdagangan.

***Kapal Terbang*** - Termasuk apa-apa jenis kenderaan yang mungkin digunakan bagi mengangkut binatang atau burung, melalui udara.

***Kapal* –** Termasuk sebarang jenis perahu atau kapal, tidak kira bagaimana ianya digerakkan, yang boleh digunakan dalam pelayaran di air.

***Karkas*** - Bermaksud bangkai binatang atau burung dan termasuk mana-mana bahagiannya dan daging, tulang (sama ada keseluruhan, pecah atau hancur) ofal, belulang, kulit, bulu, rambut, bulu pelepah, telapuk, tanduk atau bahagian lain daripada seekor binatang atau burung, berasingan atau sebaliknya atau mana-mana bahagian daripadanya.

## 5.0 PROSEDUR PEMERIKSAAN DOKUMEN KONSAINAN

### 5.1. Carta Aliran Kerja Pemeriksaan Dokumen Konsainan Daging Bebiri Yang Diimport Dari New Zealand.



### 5.2. Proses Kerja Pemeriksaan Dokumen Konsainan Daging Bebiri Yang Diimport Dari New Zealand.

| Jawatan | Proses Kerja |
|---|---|
| Pegawai MAQIS<br>Gred 17, 22, 26 | **Maklumat Kemasukan Konsainan**<br>Menyemak maklumat kemasukan konsainan melalui Sistem Maklumat Kastam (SMK); Manifest atau Pengisytiharan Kemasukan (K1) atau notis ketibaan konsainan dari pihak agen atau pengimport. |
| Pegawai MAQIS<br>Gred 17, 22, 26 | **Penahanan Konsainan**<br>Membuat penahanan bagi konsainan yang perlu menjalani tindakan selanjutnya melalui Sistem Maklumat Kastam atau Sistem Pelabuhan atau secara manual.<br><br>Konsainan yang ditahan perlu menjalani pemeriksaan dokumen dan pemeriksaan fizikal. |
| Pegawai MAQIS<br>Gred 17, 22, 26 | **Terima Dokumen Import dan Sokongan**<br>Menerima dokumen import; Borang Pengakuan Barang-barang Yang Diimport (K1), Import permit, Sijil Kesihatan dan Sijil Halal.<br><br>Menerima dokumen sokongan (jika perlu); Sijil Negara Asal, Invois, Bill Of Lading dan Packing List. |
| Pegawai MAQIS<br>Gred 17, 22, 26 | **Semak Dokumen Import dan Sokongan**<br>Menyemak maklumat di Borang Pengakuan Barang-barang Yang Diimport (K1) (Lampiran 1);<br>• Memastikan dokumen asal, tiada pindaan atau pengubahsuaian pada dokumen dan semua maklumat sama dalam SMK<br>• No. Pendaftaran Kastam<br>• Nama dan alamat pengimport<br>• Nama dan alamat pengeksport<br>• Nama dan alamat agen penghantaran<br>• No. Kontena<br>• Komoditi yang diimport<br>• Kuantiti dan berat bersih<br>• Kod tarif kastam<br>• Nilai CIF<br>• Negara Pengeksport (New Zealand)<br>• Tarikh import (ETA)<br>• Pintu Masuk *(Entry Point)* |

| | |
|---|---|
| | Menyemak maklumat di Import Permit (Lampiran 2);<br>• Memastikan dokumen asal dan tiada pindaan atau pengubahsuaian pada dokumen<br>• No. permit<br>• Nama dan alamat pengimport<br>• Tempoh sah laku<br>• Komoditi yang diimport<br>• Kuantiti dan berat bersih<br>• Tandatangan dan nama pegawai yang mengeluarkan permit (manual) atau nama pegawai yang mengeluarkan permit (online)<br>• Pintu Masuk yang dibenarkan<br>• Negara pengeksport (New Zealand)<br>• Tarikh dikeluarkan (sebelum tarikh import)<br><br>Menyemak maklumat di Sijil Kesihatan (Lampiran 3);<br>• Memastikan dokumen asal dan tiada pindaan atau pengubahsuaian pada dokumen<br>• Negara pengeksport (New Zealand)<br>• No. Kontena dan seal<br>• Komoditi yang dieksport<br>• Kuantiti dan berat bersih<br>• Pengisytiharan bebas penyakit mengikut peraturan pengimportan<br>• Memastikan dagangan diimport dari rumah sembelih dan loji pemprosesan yang dibenarkan (rujuk; senarai loji pemprosesan & rumah sembelih yang diiktiraf di laman web www.dvs.gov.my)<br>• Tandatangan, nama dan cop oleh pihak berkuasa veterinar negara New Zealand<br>• Dikeluarkan oleh pihak berkuasa veterinar negara New Zealand<br><br>Menyemak maklumat di Sijil Halal (Lampiran 4);<br>• Memastikan dokumen asal dan tiada pindaan atau pengubahsuaian pada dokumen<br>• No. Kontena dan seal<br>• Komoditi yang dieksport<br>• Kuantiti dan berat bersih<br>• Pengisytiharan penyembelihan<br>• Memastikan disembelih dirumah sembelih yang diluluskan oleh |

| | |
|---|---|
| | kerajaan Malaysia (rujuk; senarai loji pemprosesan & rumah sembelih yang diiktiraf di laman web www.dvs.gov.my)<br>• Tandatangan, nama dan cop oleh pihak berkuasa Islam yang diiktiraf<br>• Dikeluarkan oleh badan Islam negara New Zealand yang diiktiraf oleh kerajaan Malaysia (JAKIM)<br><br>Memastikan semua maklumat dokumen import (nama pengimport, komoditi dan negara pengeksport (New Zealand) sama dengan maklumat dalam Borang Pengakuan Barang-barang Yang Diimport (K1).<br><br>Kuantiti atau berat komoditi pada sijil kesihatan dan sijil halal hendaklah sama atau kurang dari permit import.<br><br>Kuantiti atau berat komoditi pada import permit, sijil kesihatan dan sijil halal hendaklah sama atau lebih dari Borang Pengakuan Barang-barang Yang Diimport (K1).<br><br>Sekiranya pemeriksaan dokumen tidak lulus, konsainan berkenaan tidak dibenarkan masuk (rujuk SOP Penolakan Konsainan).<br><br>Ketidakpatuhan yang sering berlaku semasa pemeriksaan dokumen;<br>• Tiada sebarang dokumen import<br>• Tiada dokumen asal<br>• Dokumen tidak lengkap<br>• Nama pengimport berbeza daripada permit import<br>• Mengimport dagangan dari rumah sembelih atau loji pemprosesan yang tidak diiktiraf<br>• Luput sah laku dokumen import<br>• Tidak melalui pintu masuk yang dibenarkan<br>• Terdapat pindaan yang tidak dibenarkan pada dokumen import<br><br>Menyemak semua maklumat pada dokumen sokongan (jika perlu) dan memastikan semua maklumat sama dengan maklumat di dokumen import; Sijil Negara Asal (Lampiran 5), Invois (Lampiran 6), Bill Of Lading (Lampiran 7) dan Packing List (Lampiran 8). |
| Pegawai MAQIS<br>Gred 17, 22, 26 | **Pemeriksaan Lanjut**<br>Konsainan ditahan bagi menjalani pemeriksaan fizikal (rujuk SOP Pemeriksaan Fizikal). |
| Pembantu | **Pembayaran Hasil (fi)** |

| | |
|---|---|
| Kewangan<br>Gred 17 | Jika berkenaan, menerima pembayaran dari pihak agen atau pengimport dan mengeluarkan resit pembayaran.<br><br>Kadar bayaran pemeriksaan pintu masuk mengikut Enekmen Negeri. |
| Pembantu Tadbir<br>Gred 17 | **Rekod**<br>Semua maklumat konsainan direkodkan ke dalam pengkalan data jabatan. |

**5.3. Senarai Semak Pemeriksaan Dokumen Konsainan Daging Bebiri Yang Diimport Dari New Zealand.**

| Bil. | Senarai Semak | Kepatuhan |
|---|---|---|
| 1 | Menyemak maklumat kemasukan konsainan. | √ |
| 2 | Membuat penahanan konsainan yang berkaitan. | √ |
| 3 | Menerima dokumen import dan sokongan | √ |
| 4 | Menyemak dokumen import | √ |
| 5 | Menyemak dokumen sokongan (jika perlu) | √ |
| 6 | Membuat penahanan konsainan yang berkaitan | √ |
| 7 | Menerima pembayaran dari pihak agen atau pengimport | √ |
| 8 | Mengeluarkan resit pembayaran | √ |
| 9 | Menjalankan prosedur penolakan mengikut SOP Penolakan Konsainan bagi konsainan yang bermasalah | √ |
| 10 | Merekod semua maklumat | √ |

## 6.0 PROSEDUR PEMERIKSAAN FIZIKAL KONSAINAN

### 6.1. Carta Aliran Kerja Pemeriksaan Fizikal Konsainan Daging Bebiri Yang Diimport Dari New Zealand



### 6.2. Proses Kerja Pemeriksaan Fizikal Konsainan Daging Bebiri Yang Diimport Dari New Zealand

| Jawatan | Proses Kerja |
|---|---|
| Pegawai MAQIS<br>Gred 17, 22, 26 | **Pemeriksaan Visual / Fizikal Konsainan**<br><br>Menjalankan pemeriksaan visual / fizikal konsainan secara '*Tail Gate*' (bahagian belakang kontena);<br>• Menjalankan pemeriksaan suhu penyimpanan dibahagian hadapan kontena dan suhu mestilah diantara -18$^{O}$C hingga -24$^{O}$C (dagangan sejukbeku), 4$^{O}$C hingga 0$^{O}$C (dagangan *Chilled*).<br>• Menyemak no. kontena mestilah sama dengan yang diisytiharkan.<br>• Memastikan keadaan seal pada kontena baik (intact).<br>• Menjalankan pemeriksaan fizikal komoditi yang diimport;<br>    o Memastikan warna daging kemerahan.<br>    o Memastikan bau daging tidak busuk.<br>    o Memastikan kebersihan daging dan tiada kontaminasi dengan bendasing.<br>    o Menjalankan pemeriksaan pelabelan seperti no. rumah sembelih sama dengan yang diisytiharkan, mempunyai logo halal badan Islam Negara Pengeksport dan memastikan tarikh luput komoditi tersebut.<br><br>Membuka kotak atau bahan pembungkusan bagi memastikan komoditi yang dibawa dan keadaan fizikal komoditi. Kotak atau bahan pembungkusan yang diperiksa ditutup dan diseal dengan pita '*Inspected MAQIS*' atau stiker '*Inspected MAQIS*'.<br><br>Memastikan tiada dagangan larangan atau yang tidak diisytihar diimport bersama.<br><br>Sekiranya pemeriksaan visual / fizikal tidak lulus, konsainan berkenaan tidak dibenarkan masuk (rujuk SOP Penolakan Konsainan).<br><br>Ketidakpatuhan yang sering berlaku semasa pemeriksaan fizikal konsainan;<br>• Dagangan yang diimport berbeza dengan dagangan yang diisytiharkan<br>• Dagangan yang diimport dari rumah sembelih atau loji pemprosesan yang tidak diiktiraf<br>• Dagangan yang diimport telah rosak / busuk<br>• Kuantiti yang diimport melebihi dari yang diisytiharkan |

<table>
<tr><td></td><td>Jika terdapat keraguan atau disyaki terdapat barang larangan, konsainan berkenaan akan ditahan untuk menjalani pemeriksaan menyeluruh 100%.<br><br>Konsainan dilakri (seal) dan pengimport mengisi borang Akujanji ‘Undertaking’ (Lampiran 9).<br><br>Jika tidak lulus pemeriksaan menyeluruh 100%;<br>• Di dalam kawasan pelabuhan, konsainan berkenaan tidak dibenarkan masuk (rujuk SOP Penolakan Konsainan)<br>• Diluar kawasan pelabuhan, konsainan berkenaan akan diserahkan kepada Penguatkuasa JPV</td></tr>
<tr><td>Pegawai MAQIS<br>Gred 17, 22, 26</td><td>Pensampelan<br><br>Sampel akan diambil mengikut protokol pensampelan yang telah ditetapkan (rujuk SOP Pengambilan Sampel).</td></tr>
<tr><td>Pegawai MAQIS<br>Gred 17, 22, 26</td><td>Catatan Pemeriksaan Fizikal<br><br>Semua pemerhatian, pemeriksaan dan pensampelan dicatatkan dalam Borang Pemeriksaan Fizikal Konsainan (Lampiran 10). Sebarang ketidakpatuhan dan cadangan tindakan lanjut dicatatkan dalam Borang Laporan Pemeriksaan Fizikal Konsainan.<br><br>Konsainan yang berkenaan akan dilakri (seal) dan no. seal dicatat pada Borang Laporan Pemeriksaan Fizikal Konsainan.<br><br>Memastikan setiap Borang Laporan Pemeriksaan Fizikal Konsainan Fizikal ditandatangani oleh Pegawai Pemeriksa dan disahkan oleh Pegawai Berkuasa Pelabuhan atau Pegawai Keselamatan.</td></tr>
<tr><td>Pegawai MAQIS<br>Gred 17, 22, 26, 27, 32, 36</td><td>Pelepasan Konsainan<br><br>Membuat pelepasan konsainan pada Sistem Maklumat Kastam atau Sistem Pelabuhan dan konsainan berkenaan dibenarkan masuk.</td></tr>
<tr><td>Pembantu Tadbir<br>Gred 17</td><td>Rekod<br><br>Semua maklumat konsainan direkodkan ke dalam pengkalan data jabatan.</td></tr>
</table>

**6.3. Senarai Semak Pemeriksaan Fizikal Konsainan Daging Bebiri Yang Diimport Dari New Zealand.**

| Bil. | Senarai Semak | Kepatuhan |
|---|---|---|
| 1 | Menjalankan pemeriksaan fizikal konsainan | √ |
| 2 | Mencatatkan semua aktiviti pemeriksaan di dalam Borang Laporan Pemeriksaan Fizikal Konsainan | √ |
| 3 | Memastikan setiap Borang Laporan Pemeriksaan Fizikal Konsainan ditandatangani dan disahkan | √ |
| 4 | Memastikan konsainan berkenaan diseal (lakri) dan no. seal dicatatkan pada Borang Laporan Pemeriksaan Fizikal Konsainan | √ |
| 5 | Menerima Borang Akujanji *'Undertaking'*, dokumen import dan dokumen sokongan | √ |
| 6 | Mengambil gambar konsainan dan menjalankan pemeriksaan visual; no. kontena dan no. seal MAQIS | √ |
| 7 | Menjalankan pemeriksaan secara menyeluruh | √ |
| 8 | Memastikan komoditi, kuantiti komoditi dan keadaan fizikal komoditi dalam keadaan baik dan mengikut borang pendaftaran kastam | √ |
| 9 | Menjalankan Program Pensampelan dan mengambil sampel mengikut garis panduan pensampelan yang ditetapkan | √ |
| 10 | Mencatatkan semua aktiviti pemeriksaan menyeluruh di dalam Borang Laporan Pemeriksaan 100% | √ |
| 11 | Memastikan setiap Borang Laporan Pemeriksaan 100% ditandatangani dan disahkan | √ |
| 12 | Menjalankan prosedur penolakan mengikut SOP Penolakan Konsainan bagi konsainan yang bermasalah | √ |
| 13 | Membuat pelepasan bagi konsainan yang tiada masalah | √ |
| 14 | Merekod semua maklumat konsainan yang menjalani Pemeriksaan Fizkal Konsainan | √ |

## 7.0 PROSEDUR PENSAMPELAN KONSAINAN

### 7.1. Carta Aliran Kerja Pensampelan Konsainan Daging Bebiri Yang Diimport Dari New Zealand.



### 7.2. Proses Kerja Pensampelan Konsainan Daging Bebiri Yang Diimport Dari New Zealand.

| Jawatan | Proses Kerja |
|---|---|
| Peg. MAQIS<br>Gred 17, 22, 26 | **Peralatan Pensampelan**<br><br>Menyediakan peralatan pensampelan seperti; sarung tangan, pisau, gunting, bekas berinsulasi, plastik sampel, Marker Pen dan Borang Laporan Pemeriksaan Fizikal Konsainan. |
| Peg. MAQIS<br>Gred 17, 22, 26 | **Pengambilan Sampel**<br><br>Tiga (3) hingga lima (5) sampel diambil dari kotak yang berlainan secara rawak mengikut program pensampelan. |
| Peg. MAQIS<br>Gred 17, 22, 26 | **Catatan Pensampelan**<br><br>Program pensampelan yang dilakukan dicatatkan dalam Borang Laporan Pemeriksaan Fizikal Konsainan.<br><br>Sampel yang diambil dimasukkan ke dalam plastik sampel dan ditanda no. rujukan. |
| Peg. MAQIS<br>Gred 17, 22, 26 | **Borang Penghantaran Sampel**<br><br>Mengisi Borang Penghantaran Sampel MKAV 01 (01/09) (Lampiran 11).<br><br>Rekod dalam Buku Pengambilan Sampel. |
| Peg. MAQIS<br>Gred 17, 22, 26<br>Pemandu Kenderaan<br>Gred R3 | **Penghantaran Sampel**<br><br>Sampel yang diambil dimasukkan ke dalam bekas berinsulasi dan dihantar terus pada hari yang sama ke makmal untuk analisis beserta Borang Penghantaran Sampel MKAV 01 (01/09). |
| Pembantu Tadbir<br>Gred 17 | **Rekod**<br><br>Konsainan yang menjalani program pensampelan direkodkan ke dalam pengkalan data jabatan.. |

### 7.3. Senarai Semak Pensampelan Konsainan Daging Bebiri Yang Diimport Dari New Zealand.

| Bil. | Senarai Semak | Kepatuhan |
|---|---|---|
| 1 | Menyediakan peralatan pensampelan | √ |
| 2 | Menjalankan Program Pensampelan mengikut garis panduan pensampelan | √ |
| 3 | Mencatatkan pengambilan sampel dalam Borang Laporan Pemeriksaan Fizikal Konsainan | √ |
| 4 | Mengisi Borang Penghantaran Sampel | √ |
| 5 | Pengendalian penghantaran sampel ke makmal | √ |
| 6 | Merekod semua maklumat konsainan yang menjalani program pensampelan | √ |

## 8.0 PROSEDUR PENOLAKAN KONSAINAN

### 8.1. Carta Aliran Kerja Penolakan Konsainan Daging Bebiri Yang Diimport Dari New Zealand.



**8.2. Proses Kerja Penolakan Konsainan Daging Bebiri Yang Diimport Dari New Zealand.**

| Jawatan | Proses Kerja |
|---|---|
| Pegawai MAQIS<br>Gred 17, 22, 26 | **Laporan Pemeriksaan Konsainan**<br>Menerima Laporan Pemeriksaan Konsainan (Lampiran 12) dari Pegawai Pemeriksa. |
| Pegawai MAQIS<br>Gred 27, 32, 36 | **Laporan Tindakan Konsainan**<br>Mengeluarkan Laporan Tindakan Konsainan (Lampiran 13).<br>Serah kepada pihak agen atau pengimport dan pastikan Borang Laporan Tindakan Konsainan ditandatangani oleh agen atau pengimport.<br>Dokumen import; Borang Pendaftaran Kastam (K1) atau Permit Import atau Sijil Kesihatan atau Sijil Halal dicop ‘Dilarang Masuk’.<br>*‘Pending’* dan *‘Reject’* dalam Sistem Maklumat Kastam dan maklumkan kepada pihak Kastam dan Pihak Berkuasa Pelabuhan. |
| Pembantu Kewangan<br>Gred 17 | **Pembayaran fi**<br>Jika berkenaan, menerima pembayaran dari pihak agen atau pengimport dan mengeluarkan resit pembayaran.<br><br>Kadar bayaran mengikut Enekmen Negeri. |
| Pegawai MAQIS<br>Gred 27, 32, 36 | **Konsainan Dibawa Keluar**<br>Memastikan konsainan berkenaan dibawa keluar dan dihantar balik. |
| Pegawai MAQIS<br>Gred 27, 32, 36 | **Laporan Penolakan**<br>Membuat laporan penolakan pada Ketua Pengarah Veterinar Malaysia, Pengarah Veterinar Negeri dan Pengarah MAQIS. |
| Pembantu Tadbir<br>Gred 17 | **Rekod**<br>Konsainan yang dilarang masuk direkodkan ke dalam pengkalan data jabatan. |

**8.3. Senarai Semak Penolakan Konsainan Daging Bebiri Yang Diimport Dari New Zealand.**

| Bil. | Senarai Semak | Kepatuhan |
|---|---|---|
| 1 | Menerima Laporan Pemeriksaan Konsainan | √ |
| 2 | Mengeluarkan Borang Laporan Tindakan Konsainan | √ |
| 3 | Dokumen import; Borang Pendaftaran Kastam (K1) atau Permit Import atau Sijil Kesihatan atau Sijil Halal dicop 'Dilarang Masuk' | √ |
| 4 | Maklum dalam Sistem Maklumat Kastam *'Pending'* dan *'Reject'* | √ |
| 5 | Maklum kepada pihak Kastam dan Pihak Berkuasa Pelabuhan | √ |
| 6 | Mengeluarkan resit pembayaran | √ |
| 7 | Memastikan konsainan yang dilarang masuk dibawa keluar dan dihantar balik | √ |
| 8 | Lapor kepada Pengarah Veterinar Malaysia, Pengarah Veterinar Negeri dan Pengarah MAQIS | √ |
| 9 | Merekod semua maklumat konsainan yang dilarang masuk | √ |

## 9.0 PERUNTUKAN KUASA

1) Akta Binatang 1953 (Semakan 2006)

    a. Bahagian II Seksyen 6, 7, 8, 9, 10, 11 dan 13

2) Kaedah-kaedah Binatang, 1962

3) Perintah Binatang ( Pengimportan) , 1962

4) Enakmen Negeri

    a. Kadar Bayaran Pemeriksaan

## 10.0 LAMPIRAN

Lampiran 1 : Borang Pengakuan Barang-barang Yang Diimport (K1)

Lampiran 2 : Import Permit

Lampiran 3 : Sijil Kesihatan

Lampiran 4 : Sijil Halal

Lampiran 5 : Borang Akujanji *'Undertaking'*

Lampiran 6 : Borang Pemeriksaan Fizikal Konsainan

Lampiran 7 : Borang Penghantaran Sampel MKAV 01 (01/09)

Lampiran 8 : Laporan Pemeriksaan Konsainan

Lampiran 9 : Laporan Tindakan Konsainan

**Lampiran 1**

## BORANG PENGAKUAN BARANG-BARANG YANG DIIMPORT (K1)

JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA / *ROYAL MALAYSIAN CUSTOMS DEPARTMENT*
PENGAKUAN BARANG-BARANG YANG DIIMPORT / *DECLARATION OF GOODS IMPORTED*

Kastam No.1 Pin.9/2002
*Customs No.1 Rev.9/2002*

1

AP/12616I
Page: 1
Code:ND
Salinan:4"

1. Konsainor / Pengeksport (Nama dan Alamat)
IMT PROCESSING PTY LTD
SUITE 3,-16A METROPLEX AVENUE
MURARRIE, QLD
4172 AUSTRALIA
26561

2. Konsaini / Pengimport (Nama dan Alamat)
MAHA BERJAYA FROZEN FOODS SDN BHD
NO.8 & 10, JALAN MJ/5,
MEDAN MAJU JAYA INDUSTRIAL PARK,
TAMAN MEDAN MAJU JAYA. 46000 PJ.
Kod Pengimport / *Importer Code*: B209428A

3. Nama dan Alamat Ejen Yang Diberikuasa / *Name and Address of Authorized Agent*
ANGKUTAN PERMAI SDN BHD
NO 302 JALAN BATU UNJUR 7,
TAMAN BAYU PERDANA,
41200 KLANG
Kod Ejen / *Agent Code*: BF0563

4. Cara Pengangkutan / *Mode of Transport* — 1. Laut / *Sea* 2. Keretapi / *Rail* 3. Jalan Raya / *Road* 4. Udara / *Air*: 1

5. Tarikh Import / *Date of Import*: 09/10/2010

6. No./Nama Kapal/Penerbangan/Kenderaan / *No./Name of Vessel/Flight/Conveyance*: KOTA PEKARAN/WK5N

7. Pelabuhan / Tempat Import / *Port / Place of Import*: PORT KELANG — Kod / *Code*: MYPKG

8. Pelabuhan/Tempat Dimuatkan / *Port/Place of Loading*: NAPIER — Kod / *Code*: NZNPE

9. Melalui (kargo dipindah kapal) / *Via (transhipment cargo only)*:

UNTUK KEGUNAAN RASMI / *FOR OFFICIAL USE*

10. Tarikh dan Waktu Terima / *Date and Time of Receipt*: 07/10/2010 15:39

Page 1 of 1

11. Nombor Pendaftaran / *Registration Number*: B10110009337

12. Stesen / *Station*: Pelabuhan Klang — Kod/*Code*: PKG

13. No. Pendaftaran Manifes / *Manifest Registration No.*

14. Penerimaan Duti / Cukai seperti yang dilevi ... *authorized by*:
Penolong Kanan Pengarah Kastam
Import/Penggudangan
Pelabuhan Klang

Tarikh / *Date* — Pegawai Kastam Yang Hak / *Proper Officer Of Customs*

15. No. Permit Import / *Import Permit No.*: JPV161109040742010

16. Tarikh Luput / *Expiry Date*: 30/10/2010

17. Bayaran bagi barangan akan dibuat kepada: (Negeri) / *Payment for goods to be made to: (Country)*: NEW ZEALAND — Kod / *Code*: NZ

18. No. Muka Surat Manifes / *Manifest Page No.*: ORIENT OVERSEA

19. No. Rujukan CJ.5 / *CJ.5 Reference No.*

20. Bil. Muatan atau No. Nota Konsainan / *Bill of Lading or Consignment Note No.*: OOLU3054819030/

21. Layanan Khas / *Special Treatment*

22. Insuran / *Insurance* RM: 3088.33

23. Caj-caj Lain / *Other Charges* RM: 0.00

24. Nilai CIF / *CIF Value* RM: 308832.94

25. Tambang / *Freight* RM: 5600.00

26. Berat Kasar / *Gross Wt. (Kg)*: 18681.0000/KGM

27. Ukuran / *Measurement (m³)*: 25.0000/MTQ

28. Nilai FOB / *FOB Value* RM: 300144.61

29. Tanda dan No. / No. Kontena / *Marks and Nos. / Container Nos.*
N/M
C/NO:OOLU3872160,
Invoice No : 7170

30. Bil. / *No.* 31. No. dan Jenis Bungkusan / *No. and Type of Packages* 32. Perihal Barang (Dokumen berkenaan hendaklah dikemukakan) / *Description of Goods (Relevant documents must be submitted)*

672 CARTON 1X20RF STC BONELESS MUTTON TRUCK

1) FROZEN BONELESS MUTTON TRUCK 85CL
FRASERTOWN BRAND -672CTNS

Tarif Kastam Malaysia / *Malaysian Customs Tariff* — 33. No. Kod / *Code No.*: 0204.23 000 — 34. Unit / *Unit*: KGM

CIF USD 98703.3600 = RM 308832.9431 EXCH: 3.1289

CIF = RM 308832.9431
PORT CHARGES = RM 0.0000

FOM = RM 308832.9431

| 35. Kod Negeri Asal / *Country of Origin Code* | 36. Kuantiti mengikut Unit Tarif Kastam / *Qty. Based on Customs Tariff Unit* | Nilai / *Value* (RM): 37. Satu Unit / *Per Unit* | Nilai / *Value* (RM): 38. Jumlah / *Total* | Duti Import / *Import Duty*: 39. Kadar / *Rate* | Duti Import / *Import Duty*: 40. Amaun / *Amount* (RM) | Duti Eksais / *Excise Duty*: 41. Kadar / *Rate* | Duti Eksais / *Excise Duty*: 42. Amaun / *Amount* (RM) | Cukai-Cukai Lain Kena Dibayar / *Other Taxes Payable*: 43. Jenis / *Type* | 44. Kadar / *Rate* | 45. Amaun / *Amount* (RM) |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1) NZ | 18278.4000/KG | 16.89606 | 308832.94 | | NIL | | 0.0000 | | NIL | 0.00 |
| | 18278.4000 | | 308832.94 | | 0.00 | | 0.00 | | | 0.00 |

46. JUMLAH / *TOTAL*: 308832.94
47. JUMLAH / *TOTAL*: 0.00
48. JUMLAH / *TOTAL*: 0.00
49. JUMLAH / *TOTAL*: 0.00

50. Nama Pembuat Akuan / *Name of Declarant*: MAHATHIR BIN MANSOR

51. No. Kad Pengenalan / Pasport / *I.C. / Passport No.*: 830316105857

52. Jawatan / *Designation*: PENOLONG PENGURUS

53. Saya mengesahkan ikrar ini benar dan lengkap / *I hereby certify that this declaration is true and complete*
07/10/2010
Tarikh / *Date* — Tandatangan / *Signature*

UNTUK KEGUNAAN RASMI / *FOR OFFICIAL USE*

54. Pelepasan daripada Kawalan Kastam dibenarkan oleh / *Release from Customs Control authorized by*:
Penolong Kanan Pengarah Kastam
Import/Penggudangan
Pelabuhan Klang
Tarikh / *Date* — Pegawai Kastam Yang Hak / *Proper Officer of Customs*

PAID

55. Jumlah Amaun Kena Dibayar / *Total Amount Payable* RM: 0.00

56. No. Resit Manuskrip (jika berkenaan) / *Manuscript Receipt No. (if applicable)* — Tarikh / *Date*: 0.00

11 OCT 2010
Bayaran : RM100.00
No. Resit : FEE65301

Nota: Pengakuan ini dikehendaki di bawah dan mengikut Akta Kastam 1967/*Note: This declaration is required under and in accordance with Customs Act 1967*

**Lampiran 2**

## IMPORT PERMIT

Page 1 of 1

**JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR**
**DEPARTMENT OF VETERINARY SERVICES**
**MALAYSIA**

(Haiwan 27)

ASAL
ORIGINAL

I201016400
JPV161109040742010

BORANG C/ *FORM C*
AKTA BINATANG, 1953
*ANIMAL ACT, 1953*
(Seksyen 5(1)(b)/*Section 5(1)(b)*)

**PERMIT BAGI MENGIMPORT BANGKAIAN BINATANG, DSB.**
*PERMIT TO IMPORT ANIMAL CARCASES, ETC.*

Encik / *Mr* MAHA BERJAYA FROZEN FOODS SDN BHD

yang beralamat di / *of* NO.8&10,JLN MJ/5,MAJU JAYA INDUS.,PARK,TMN MEDAN MAJU JAYA,BATU 7,JLN,KELANG LAMA,46000 P.J.,SELANGOR

adalah dengan ini dibenarkan mengimport daripada / *is hereby authorised to import from* NAPIER NEW ZEALAND

melalui tempat mendarat yang ditetapkan iaitu / *through a prescribed landing place namely* PORT KELANG

tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta ini dan Kaedah-kaedah yang dibuat di bawahnya dan kepada
*subject to the provisions of the Act and of the Rules made thereunder and to the conditions*

syarat-syarat yang dicatatkan di dalamnya, barang-barang yang berikut:
*endorsed hereon, the following articles:*

| No. | Perihal/Description | Banyaknya/Quantity |
|---|---|---|
| 1 | MUTTON 6 WAY CUT | 18280 KGM |

Catatan:
*Remarks:*

Pushe 345346

Bayaran dibayar RM 1080
*Fee paid: Ringgit Malaysia*

Tarikh : 30 September 2010
*Dated*

Dr. Noraihan Mohd Yasin @ Muhammad
Pegawai Veterinar Negeri/ *State Veterinary Officer*

Lesen ini adalah sah bagi tempoh tidak lebih daripada 30 hari sahaja dari tarikh ia dikeluarkan. Ia mestilah
*This licence is valid for a period not exceeding 30 days only from the date of issue. It must be*
dikemukakan di tempat masuk yang dinyatakan di atas pada masa import.
*produced at the place of entry specified above at the time of importation.*

****This is a computer generated and no signature is required*
ASAL/ORIGINAL:[ 2010-10-04 03:44:14 ]:[Kandeepan a/l Kunaseelan]

**Lampiran 3**

## SIJIL KESIHATAN

NEW ZEALAND FOOD SAFETY AUTHORITY

Certificate number NZL2010/MEL1026/2079

### Sanitary Certificate for Meat and Meat Products for Human Consumption to Malaysia

**Name and address of consignor:**
MEL1026
Frasertown Meat Co. Limited
208 Remuera Road
Remuera
AUCKLAND
NEW ZEALAND

**Name and address of consignee:**
Maha Berjaya Frozen Foods SDN BHD
No.8&10,Jalan MJ/5
Medan Maju Jaya Industrial Park
Taman Medan Maju Jaya
46000 Petaling Jaya
Selangor Malaysia

**Exporting country** NEW ZEALAND
**Competent authority** NEW ZEALAND FOOD SAFETY AUTHORITY

| Final Destination: | Means of transport: |
|---|---|
| Port Kelang Malaysia | Maritime, Kota Pekarang, V100 |
| **Port of Loading:** Napier [HKB] | **Port of Discharge:** Kelang |

| Item | Number and kind of packages / Description of product | Net weight |
|---|---|---|
| 1 | 672 Cartons Frozen B/Less Mutton Trunk 85cl BP | 18278.4 kg |
| | 672 Packages in Total | Total Weight: 18278.4 kg |

| Species: | Identification Marks: | Container (& Seal) Numbers: |
|---|---|---|
| (1) Ovine | Not Applicable | (1) OOLU3872160 (NZFSA00238617) |
| **Slaughterhouses:** | **Slaughter Dates:** | **Processing Premises:** |
| (1) ME83 | (1) 24-Jun..15-Sep-2010 | (1) ME83 |

ORIGINAL

**Health Attestation**

I hereby certify that:

a. The products described above are derived from animals which have passed ante-mortem and post-mortem veterinary inspection at the time of slaughter and were processed in accordance with New Zealand law
b. The animals from which the meat was derived were of New Zealand origin.
c. The products have not been treated with chemicals or foreign substances injurious to health.
d. The products are deemed fit for human consumption(1).
e. African horse sickness, African swine fever, anthrax, avian influenza (fowl plague), bluetongue disease, bovine spongiform encephalopathy (BSE), Brucella abortus, Brucella melitensis, classical swine fever (hog cholera), contagious bovine pleuropneumonia, foot and mouth disease, glanders, lumpy skin disease, Newcastle disease (an asymptomatic lentogenic strain exists in New Zealand), peste des petits ruminants, rabies, Rift Valley fever, rinderpest, scrapie, sheep and goat pox, swine vesicular disease and vesicular stomatitis do no occur in New Zealand.
f. The feeding of ruminant protein to ruminants is prohibited in New Zealand.
g. The product does not contain B-agonists

1 Refer definition Recommended International Code Hygienic Practice for Fresh Meat. CAC/RCP 11-1976, Rev. 1 (1993). In Codex Alimentarius - Volume 10 (1994) - Meat and Meat Products by Codex Alimentarius Commission, WHO/FAO, Rome 1993, pp83-111.

Done at
WAIROA, New Zealand

On
21-Sep-2010

NEW ZEALAND FOOD SAFETY AUTHORITY
Official Veterinarian

S.C. Cook
Signature of official veterinarian, New Zealand Government

S.C. Cook BVSc
Name, title and qualifications

Page 1 of 1

AP1127.1

**Lampiran 4**

## SIJIL HALAL

126519

بسم الله الرحمن الرحيم

**New Zealand Islamic Meat Management**

(New Zealand Halal Certifying Authority)
Founders of: Muslim League of New Zealand Inc. Wellington

إدارة اللحوم الإسلامية النيوزيلندية

**NEW ZEALAND HALAL MEAT CERTIFICATE**

شهادة ذبح لحوم نيوزيلندية شرعية إسلامية

HAJ MOHAMED SAMY ABDEL-AL

I, ........................................................................

President of **New Zealand Islamic Meat Management** certify that all the meat of this shipment has been slaughtered by a Moslem slaughterman who is aware of the ordinance of his faith and fully conversant with all the requirements of ritual slaughtering according to the Shariya of Islam. This meat has been slaughtered in the true Islamic manner, the name of Almighty Allah has been pronounced, a sharp knife used and the animals bled to death, all in the most humane manner. The slaughtering of pigs is prohibited at this slaughter house.

أشهد أنا ........................................
رئيس إدارة اللحوم الإسلامية النيوزيلندية، بأن كميات اللحوم الواردة بهذه الشحنة قد ذبحت حلالاً بواسطة جزار مسلم عالم تماماً بمقتضيات ومتطلبات الذبح طبقاً لأحكام الشريعة الإسلامية ولذلك فهي صالحة حلالاً لجميع المسلمين. قرئ اسم الله على كل ذبيحة (باسم الله - الله أكبر) استخدم سكين حاد للذبح، استوفت الدماء تماماً، وقد تم الذبح مع استعمال الرأفة بالحيوان.
لا يسمح بذبح الخنازير بالمجزر.

**Consignor/Exporter:** FRASERTOWN MEAT CO LTD

**Country of Origin:** NEW ZEALAND

**Consignee:** MAYA BERJAYA FROZEN FOODS SDN BHD

**Destination:** MALAYSIA **Order No:** 9758

**Letter of Credit:** N/A **Meat Type:** OVINE

**Description:** 672 CTN BONELESS MUTTON TRUNK 85 CL, PRODUCTION DATES: 24/06/2010 TO 15/09/2010, LOADING PORT: NAPIER

BY APPLICATION OF ITS SEAL THE NEW ZEALAND MEAT BOARD INDICATES THAT THIS IS A CERTIFICATE ISSUED BY A RECOGNISED HALAL CERTIFYING AUTHORITY.

**NetWeight (Kgs):** 18,278.40

**Shipped per:** KOTA PEKARANG V100

**Slaughter/Processing House:** ME83

**Slaughter Dates:** 24/06/2010 TO 15/09/2010

**Expiry Date:** N/A

**Inspector:** KHALID FAKIR **Date:** 22/09/2010

**New Zealand Islamic Meat Management**

DR. HAJ. MOHAMED S. ABDEL-AL
President

حلال HALAL — N.Z. Islamic Meat Management

New Zealand Islamic Meat Management, PO Box 11-382, Wellington, New Zealand. Email: halal@xtra.co.nz

**Lampiran 5**

**BORANG AKUJANJI *'UNDERTAKING'***

**Lampiran 6**

**BORANG PEMERIKSAAN FIZIKAL KONSAINAN**

**Lampiran 7**

## BORANG PENGHANTARAN SAMPEL MKAV 01 (01/09)

**MKAV 01 (01/09)**

MAKMAL KESIHATAN AWAM VETERINAR
JABATAN PERKHIDMATAN HAIWAN
BANDAR BARU SALAK TINGGI

BORANG PENGHANTARAN SAMPEL

| | |
|---|---|
| Nama dan Alamat Penghantar | *(Diisi Oleh Makmal)*<br>Rujukan Makmal<br>Tarikh Terima<br>Keadaan Sampel<br>Diterima & Diperiksa Oleh *(tandatangan)* |
| No Tel | |
| No. Fak | |
| Rujukan Penghantar | |
| Nama & Alamat Tuanpunya (RS/LOJI/PPS/LAIN-LAIN) | |
| Asal Sampel (Negeri/Negara)<br>*(Untuk sampel import saja)* | Jenis Spesis : Ayam/Lembu/Kerbau/ Kambing/Bebiri/Babi/ Lain-lain ____________ |
| Bilangan Sampel | |

| No. | Pengenalan Sampel | Jenis sampel | Tarikh Kutip Sampel | Ladang/Pengeksport |
|---|---|---|---|---|
| 1. | | | | |
| 2. | | | | |
| 3. | | | | |
| 4. | | | | |
| 5. | | | | |
| 6. | | | | |
| 7. | | | | |
| 8. | | | | |
| 9. | | | | |
| 10. | | | | |

| | |
|---|---|
| Nama dan Tandatangan Pembawa | Tarikh Hantar |
| Catitan *(jika perlu)*: | |

**Lampiran 8**

## LAPORAN PEMERIKSAAN KONSAINAN

**Lampiran 9**

## LAPORAN TINDAKAN KONSAINAN